

# Pertanian jadi jentera ketiga pertumbuhan ekonomi negara

11 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Sektor pertanian akan menjadi jentera ketiga pertumbuhan ekonomi negara selepas sektor pekilangan dan teknologi maklumat serta komunikasi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat, hari ini, beliau berkata, kerajaan akan terus berusaha meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pertanian berskala besar dan komersial dengan menggalakkan penyatuan pengurusan kebun kecil dan terbiar.

"Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dengan aktiviti penya-

tuhan pengurusan kebun kecil atau tanah terbiar diberi potongan cukai bersamaan jumlah pelaburan dibuat," katanya.

Beliau menambah, bagi menjamin bekalan kayu getah kepada industri perabot, perbelanjaan modal oleh syarikat perladangan bukan getah untuk menyediakan kawasan, menanam dan menyelenggarakan tanaman kayu getah dihapus kira dalam tempoh satu tahun.

"Galakan ini diberi dengan syarat syarikat menanam sekurang-kurangnya 10 peratus daripada ladangnya dengan pokok kayu getah," katanya.

Mengenai makanan, Dr.

Mahathir berkata, pada masa ini syarikat yang melabur dalam syarikat pengeluar bahan makanan diberi potongan cukai manakala syarikat yang mengusahakannya diberi pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun.

"Oleh kerana aktiviti perikanan laut dalam mempunyai potensi untuk meningkatkan pengeluaran makanan, aktiviti ini dicadangkan supaya diberi galakan yang sama," katanya.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, industri memproses produk makanan telah dikenal pasti boleh dimajukan lagi oleh pelabur tempatan.

"Sehubungan itu, saya men-

cadangkan syarikat milik tempatan yang membuat pelaburan semula diberi sekali lagi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan sebanyak 60 peratus selama lima tahun," katanya.

Bagi memodenkan sektor pertanian dan lebih mesra alam, Dr. Mahathir mencadangkan agar pengusaha ternakan ayam dan itik yang menukar cara ternakan daripada sistem reban terbuka kepada tertutup diberi galakan elaun pelaburan semula selama 15 tahun.